



Datuk Abdullah Badawi

Petualang serta musuh negara harus ditentang

Negara Malaysia

Bahan asal dari Arkib

KEPALA BATAS, Isnin — Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Abdullah Ahmad Badawi menggesa seluruh rakyat menentang habis-habisan setiap tindakan petualang-petualang bangsa yang bertujuan menghancurkan perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini.

"Orang-orang seperti inilah perlu diawasi, kerana bila tiba keadaan terdesak mereka akan bertindak di luar prinsip hidup rakyat negara ini.

"Kita tidak mahu adanya petualang-petualang seperti ini wujud di negara kita," kata Datuk Haji Abdullah di majlis jamuan makan malam anjuran Pertubuhan Bella Tamil Bell, Tasik Gelugor dekat sini.

Datuk Haji Abdullah berkata, negara ini memerlukan orang-orang yang bertanggungjawab, bukannya orang yang pentingkan diri sendiri.

Setiap rakyat terutama pemimpin dan penyokong Barisan Nasional perlu mengekalkan perasaan muhibah dan memberikan kerjasama supaya setiap usaha dan rancangan kerajaan dapat berjalan lancar untuk kepentingan rakyat yang cintakan keamanan, kata beliau.

Di samping itu ujarnya rakyat juga perlulah sedar bahawa setiap kehendak mereka tidak mungkin dapat dipenuhi semuanya.

Beliau menghargai usaha Pertubuhan Bella Tamil Bell kerana menganjurkan majlis makan malam sebagai daya usaha bertujuan mengeratkan lagi perasaan muhibah antara penduduk berbagai kaum.

Menyentuh tentang projek perumahan, Datuk Haji Abdullah menyatakan pihaknya akan berusaha menimbangkan permintaan penduduk yang memerlukan rumah kerja di Kampung Besar.

Bagaimanapun menurutnya, tidak semua penduduk akan dapat memiliki rumah-rumah itu.

Pertubuhan Bella Tamil Bell mengemukakan permintaan agar projek itu diberikan juga kepada penduduk-penduduk tempatan.